

# Cabutan

Rakyat Kelantan tidak akan dapat diabui mata mereka selama-lamanya, kerana mereka akan tahu betapa janji-janji kerajaan PAS itu tidak pernah menjadi kenyataan. Masanya akan tiba, apabila rakyat akan bertambah-tambah sedar dengan keadaan mereka itu. – Tan Sri Ibrahim Fikri.

\*

Celik sahaja anak-anak (zaman sekarang), apa mereka pandang atau dengar ialah radio dan televisyen, dan mereka tidak diberi ajaran mengenai Sifat Dua Puluh yang patut lebih dahulu mereka ketahui. – Tuan Haji Muhammad Saman, dalam syarahan agamanya di Masjid Bandar, Kariah Buntar.

\*

Bila menjelang hari orang-orang Negro dibebaskan dari tekanan, dan menjelang hari tamatnya peperangan, maka pada hari itulah baru roh suami saya berpuas hati dan berehat selama-lamanya – Puan Coretta, balu mendiang Dr. Martin Luther King.

\*

Pakaian kebangsaan wanita-wanita Asia sangat cantik, menarik hati dan sesuai pula dengan suasana di Asia ini. – Puan Ne Win.

\*

Kita sentiasa membuka hati dan fikiran kepada seluruh dunia menerusi logik yang sama yang meyakinkan perjuangan yang lanjut, bahawa kita sentiasa akan berbaik-baik dengan orang yang membuat baik, dan memusuhi siapa sahaja yang memusuhi kita. – President Gamal Abdel Nasser.

Tuan Haji Ya'acob Mohamed tentu tahu – kerana beliau pun telah dua kali menuaikan fardu haji – betapa pentingnya Singapura mengadakan pegawai-pegawai kebajikan (haji) di sana, sebagaimana yang disediakan oleh kerajaan Malaysia dan negara-negara seluruh dunia di dalam musim haji di tanah suci. – Tuan Haji Ahmad Tapa.

\*

Kalau kultur tanah air dan kakitangan hotel-hotel itu tidak bersubahat membiarkan pasangan-pasangan khalwat menggunakan bilik-bilik hotel mereka, tentulah perkara-perkara yang keji ini tidak akan berlaku. – Tuan Sheikh Saad bin Said, Qadi besar Kedah.

\*

Hukuman denda dengan wang ke atas pasangan yang berkhalwat dan berzina seperti yang berjalan sekarang, adalah suatu hukuman yang ringan dan tidak mendatangkan kesan kepada orang-orang yang gemar melakukan perkara-perkara maksiat. Hukuman yang seringan itu tidak dapat mencegah perbuatan maksiat yang sedang berleluasa sekarang. Zina dan khalwat tidak akan berkurangan sekiranya satu hukuman yang berat tidak dikenakan, seperti hukuman sebat dan rotan. – Cik Asmah binti Ahmad, Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, cawangan Padang Tembak.

\*

PAS berazam menegakkan ekonomi orang-orang Melayu melalui satu rancangan yang tidak menyebelah ke mana-mana pihak, sama ada Kapitalis atau Sosialis, dalam menjalankan rancangan ekonominya, jika PAS terpilih memerintah nanti. – Dato' Asri bin Haji Muda.

\*

Intelek-intelek bukan boleh menjalankan parti, tetapi boleh menjalankannya

rakyat semua. Dalam perhitungan politik kita tidak boleh mengira seperti membuat ilmu hisab, tetapi hendaklah dengan praktiknya sekali. Kalau pemimpin-pemimpin politik membuat perhitungan politik dari universiti sahaja, maka politik itu hanya merupakan politik teori sahaja. – En. Senu Abdul Rahman.

\*

Semangat keagamaan adalah perlu kepada masyarakat Islam sekarang, terutama di kalangan belia-belia, supaya mereka dapat menuaikan tanggungjawab mereka terhadap bangsa, agama dan tanah air mereka. Kiranya mereka telah menuaikan tanggungjawab mereka, maka baharulah mereka layak dipanggil “pemuda harapan bangsa” dan “pemudi tiang negara.” Di samping bersama menegakkan agama. – Dato’ Haji Saad. – Menteri Besar Perak.

\*

Jika 500,000 bumiputera menanam modal sebanyak \$50.00 tiap-tiap seorang, maka akan terkumpullah sebanyak 25 juta ringgit modal bumiputera dalam perdagangan di negeri ini. Dengan modal yang sebanyak ini terlembarlah panji-panji menunjukkan empunya bumiputera di tiap-tiap 30 atau 40 syarikat-syarikat perdagangan dan perusahaan. – Senator Ghafar Baba.

\*

Pelajar-pelajar Kolej Islam tidak pernah dihubungi oleh mana-mana parti politik. Jika berlaku persamaan pendapat antara pelajar-pelajar Kolej Islam dengan mana-mana pihak, tidaklah bererti hasutan telah berlaku. Pihak yang berkenaan janganlah takut kepada bayang-bayang kita sendiri dalam perkara seperti ini. – En. Mokhtar bin Shafie – Yang Dipertua Persatuan Pelajar-pelajar Kolej Islam, sewaktu menafikan tuduhan En. Mohd Khir Johari.